



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



15 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa  
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan  
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad  
(AGROBANK) Di Bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
(MOA) dan Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Bank Pertanian Malaysia (AGROBANK) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) dan bank Pertanian Malaysia (AGROBANK) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 26 Oktober 2016 dengan memanggil Ketua Setiausaha MoA, Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) AgroBank bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- ii) Prestasi Dana Pembiayaan Deposit
  - iii) Pendapatan Fi Tidak Mencapai Sasaran
  - iv) Hapus Kira
- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) Secara keseluruhan, PAC Parlimen berpuas hati dengan pencapaian Agrobank dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan, dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu, usahawan agro, usahawan mikro, kecil dan sederhana serta individu persendirian yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara.
  - ii) Selain itu, pendekatan Agrobank yang memperkenalkan AgroAgent bagi memperluaskan perkhidmatan perbankan ke kawasan luar bandar perlu diberikan pujian. Namun begitu, bilangan AgroAgent masih kecil di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung.
  - iii) PAC Parlimen juga mengambil maklum bahawa Agrobank tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan sejak tahun 2012. Sehubungan itu PAC Parlimen berpendapat sumber kewangan yang diterima oleh Agrobank dari Kerajaan sebanyak RM1.152 bilion dalam bentuk pinjaman adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan pinjaman oleh golongan petani dan masyarakat luar bandar.
- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) Bilangan cawangan Agrobank dan AgroAgent ditambah terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan lebih ramai golongan petani yang tinggal di kawasan luar bandar mendapat perkhidmatan perbankan.
  - ii) Agrobank perlu terus memberi tumpuan untuk membantu golongan petani bagi membangunkan sektor pertanian negara walaupun pihak Agrobank tidak lagi menerima geran dari Kerajaan tanpa mengabaikan kepentingan pendeposit.

- iii) Kerajaan perlu meneruskan pemberian geran kepada Agrobank bagi membantu petani dan pengusaha pertanian untuk mengembangkan perniagaan mereka.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) dan AgroBank boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia